



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Jaringan Persahabatan Merentasi Sempadan

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Masa: 1 jam

SK: 1.14 Membaca ayat 103 surah ali-'Imran dengan betul, lancar serta bertajwid dan merumus kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

SP: 1.14.5 Menerangkan cara mengukuhkan persaudaraan.
1.14.6 Menerangkan hikmah persaudaraan dalam Islam.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menerangkan kepentingan memilih rakan merentasi sempadan dengan bijak.
2. Membuat keputusan yang bijak dalam memilih rakan.
3. Menghargai jalinan persahabatan dan perhubungan dengan rakan.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberikan topik bertajuk cara mengukuhkan persaudaraan dari aspek perbuatan (pemilihan kawan).
3. Murid berbincang dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
4. Ketua kumpulan membuat persembahan dalam bentuk *power point* di hadapan kelas.
5. Guru menyemak ketepatan fakta yang dibentangkan oleh murid.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang kepentingan persaudaraan dalam Islam.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang tugas yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugas di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberikan topik bertajuk cara mengukuhkan persaudaraan dengan orang bukan Islam.
3. Murid berbincang dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
4. Setiap murid diminta menulis catatan di atas sekeping kad dan menampalnya di atas kertas sebak mengikut giliran.
5. Kemudian, kertas sebak tersebut ditampal di papan kenyataan sudut Pendidikan Islam selepas kelas.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)